



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 11 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	PERIKANAN PULAU PINANG TAHAN EMPAT NELAYAN GUNA PELEKAT ZON PALSU, BERNAMA TV BULETIN BERNAMA 1.00 TGH PERIKANAN PULAU PINANG TAHAN EMPAT NELAYAN GUNA PELEKAT ZON PALSU, BERNAMA TV BULETIN BERNAMA 2.30 PTG	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	LEBIH 1000 NELAYAN SELESAI DISUNTIK MENJELANG NOVEMBER, BULETIN PAGI-TV3	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4.	LADANG AYAM DIBERI TEMPOH 7 HARI, PERAK,N.SEMBILAN, SH-27	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA (DVS)
5.	HIKMAH PKP RAIH PULANGAN LUMAYAN, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH-14	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6.	TAMBUN POMELO WASTING AWAY, THE STAR-ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7. 8.	PEMANDU PELANCONG TANAM CILI SARA HIDUP, HM- ONLINE PEMANDU PELANCONG TANAM CILI SARA HIDUP, MSN NEWS-ONLINE	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11.08.2021	BERNAMA TV	BULETIN BERNAMA 1.00 TENGAHARI	-

PERIKANAN PULAU PINANG TAHAN EMPAT NELAYAN GUNA PELEKAT ZON PALSU



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11.08.2021	BERNAMA TV	BULETIN BERNAMA 2.30 PETANG	

PERIKANAN PULAU PINANG TAHAN EMPAT NELAYAN GUNA PELEKAT ZON PALSU



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11.08.2021	TV3	BULETIN PAGI	

LEBIH 1000 NELAYAN SELESAI DISUNTIK MENJELANG NOVEMBER



Ladang ayam diberi tempoh 7 hari

Bersihkan sistem kumbahan yang didakwa menyebabkan pencemaran Sungai Air Kuning

Oleh NORAFIDAH ASSAN

TAMPIN

Sebuah ladang ternakan ayam di Gemencheh di sini diberi tempoh tujuh hari bermula Isnin untuk membersihkan sistem kumbahan yang didakwa menyebabkan pencemaran ke atas Sungai Air Kuning.

Exco Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, arahan itu dikeluarkan selepas mengambal kira siasatan di lokasi berkenaan ketika lawatan mengejut pihaknya bersama agensi bertanggungjawab pada Isnin.

"Salah satu punca pencemaran sungai terlibat adalah dari ladang ternakan ayam itu dan didapati memang berlaku pengaliran air sisa kumbahan dari ladang berkenaan ke dalam parit serta anak air.

"Pemilik ladang ternakan ayam ini diberi tempoh tujuh hari untuk membersihkan dan menambah baik sistem kumbahan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Bakri berkata, Jabatan Veterinar Negeri Sembilan akan mengadakan lawatan susulan ke ladang ternakan tersebut selepas tempoh tujuh hari berakhir.

"Tindakan penguatkuasaan akan diambil kepada pemiliknya jika masih ingkar dan tidak melakukan penambahbaikan," katanya.

Dalam pada itu, Bakri berkata, dakwaan mengenai ikan dan anjing penduduk turut mati akibat pencemaran itu masih belum dapat disahkan kerana memerlukan siasatan lanjut.

"Ini berikutan di huluan tempat kejadian iaitu lebih kurang 1.5 kilometer (km) dari ladang ternakan itu terdapat aktiviti meracun rumput di tebing sungai ladang getah, pada masa sama kira-kira satu kilometer dari ladang sama pula masih terdapat anak-anak ikan yang hidup.

"Ini bermakna kematian ikan dan anjing itu bukan berpunca daripada pencemaran berkenaan. Punca sebenar kejadian masih dalam siasatan," katanya.

Pada Isnin, Bakri ke lokasi tersebut selepas dimaklumkan berlaku pencemaran air di Sungai Air Kuning di sini sehingga menyebabkan kematian ikan dan anjing selain menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat setempat.



BAKRI

Salah satu punca pencemaran sungai terlibat adalah dari ladang ternakan ayam itu dan didapati memang berlaku pengaliran air sisa kumbahan dari ladang berkenaan ke dalam parit serta anak air."

Hikmah PKP raih pulangan lumayan

Bekas pegawai bank ceburi tanaman cendawan tiram

KUALA KRAI

Berbakti kepada tanah pasti mendapat ganjaran. Itulah ungkapan sesuai bagi seorang bekas pegawai bank, apabila usahanya menceburi tanaman cendawan tiram dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac tahun lalu, kini memberi pulangan lumayan.

Mahadi Mohd Jusoh, 51, berkata, dia sebelum ini bekerja sebagai pegawai bank mengambil keputusan berhenti kerja sekitar tahun 2016 demi menguruskan ibunya, Zaharah Ahmad, 70, yang uzur selepas kematian bapanya, Mohd Jusoh Mat, 81, pada tahun yang



Mahadi membungkus cendawan tiram yang diusahakannya sebelum dijual kepada peraih di pasar terdekat pada harga RM10 sekilogram.

sama.

Katanya, enggan berpeluk tubuh ketika itu selepas hilang punca pendapatan, dia mengambil inisiatif untuk membuka sebuah kedai runcit berdekatan rumahnya di Kampung Baru Pahi di sini untuk menjana pendapatan sambil menguruskan ibunya.

"Pada awal permulaan pembukaan kedai runcit iaitu pada tahun 2016 jualan di kedai runcit milik saya amat memberangsangkan, bagaimanapun bermula PKP tahun lalu perniagaan saya mula merosot sehingga menyebabkan saya terpaksa memikirkan inisiatif lain, demi kelangsungan hidup saya sekeluarga.

"Ketika buntu memikirkan idea untuk memperoleh pendapatan lain, ada seorang rakan mencadangkan saya buat tanaman cendawan tiram sebagai 'duit poket'. Dari situ bermula cubaan sekadar suka-suka terhadap tanaman ini," katanya ketika ditemui di Kampung Baru Pahi pada Isnin.

Bercerita lanjut, bapa kepada empat orang anak itu berkata, selepas dua bu-



Mahadi memujuk hasil cendawan tiram yang diusahakannya. Setiap bongkah cendawan mampu mengutip sekitar 350 gram dan hampir setiap hari beliau mampu mengutip sekitar 10 kilogram.

lan negara dikenakan PKP iaitu pada Mei tahun lalu, dia mula berjajin-jajin dalam tanaman cendawan.

Modal RM2,000

Katanya, pada awalnya dia mencabar diri dengan membeli sekitar 100 bongkah benih cendawan daripada seorang pembekal selain turut menyediakan rak bagi meletakkan bongkah

cendawan dengan berbekalkan modal sebanyak RM2,000.

"Alhamdulillah, percubaan pertama saya membuahkan hasil apabila saya berjaya meraih sekitar 30 kilogram cendawan tiram, sebelum diagihkan kepada jiran-jiran terdekat secara percuma bagi permulaan.

"Sejak itu saya mula menumbuhkan tanaman bongkah cendawan yang diusahakan dari masa ke



Mahadi kini mampu meraih pulangan lumayan sehingga ribuan ringgit sebulan hasil mengusahakan tanaman cendawan tiram.

masa dan sehingga kini ia mencecah sebanyak 5,000 bongkah," katanya yang turut bercadang untuk menambah 5,000 bongkah lagi sebelum berakhir tahun ini.

Mahadi berkata, antara dua elemen utama yang paling penting bagi tanaman cendawan tiram adalah perlu memastikan kelembapan tidak kurang daripada 80 peratus dan suhu tidak melebihi 30 darjah Celsius.

Katanya, proses penuaian turut perlu dilakukan setelah cendawan mula bercambah diikuti proses pembungkusan dan terus dihantar kepada pelanggan.

"Permintaan terhadap cendawan pada masa ini juga meningkat, kerana pelbagai produk hiliran berkaitan cendawan seperti kerepak cendawan, popia cendawan dan cendawan goreng dihasilkan.

"Setiap bongkah cendawan mampu mengeluarkan sekitar 350 gram. Hampir setiap hari saya mampu mengutip sekitar 10 kilogram, sebelum dijual kepada peraih di pasar terdekat pada harga RM10 sekilogram," katanya yang mampu meraih sehingga ribuan ringgit sebulan.

Mahadi berkata, bagi memantapkan ilmu tanaran cendawan berkenaan beliau turut mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), termasuk mereka yang berpengalaman dalam bidang ini.

"Saya berharap orang ramai yang kehilangan kerja dan hilang pendapatan disebabkan Covid-19 ini, boleh mencuba untuk mula menjana pendapatan dengan menceburi diri dalam penanaman cendawan, sebagai pendapatan sampingan," katanya. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11.08.2021	THE STAR	ONLINE	

TAMBUN POMELO WASTING AWAY



THE row of shops selling Tambun pomelo near the Sam Poh Tong Temple in Ipoh, Perak used to be crowded with customers prior to the Covid-19 pandemic. Traders were able to sell up to 40 fruits on a good day. But as with most businesses, they have been hit hard by the prolonged lockdowns. Some of the traders are doing their best to hold on to their business, hoping that sales will revive post-pandemic.

A trader, who only wanted to be known as Ng, in her 60s, said she has already dug deep into her reserve funds to stay afloat. "That money was meant for my future when I am no longer working, but there are daily expenses, bills and loans to pay." The money I get from sales nowadays can hardly cover any of those. It is a really difficult period for all of us.

Tan holding two overripe pomelos. He says many fruits have not been harvested due to poor sales.


Tan holding two overripe pomelos. He says many fruits have not been harvested due to poor sales.

"We are thankful to the Ipoh City Council for giving us a waiver on rental and a moratorium as it has lessened our burden a little," she said when met at her shop. Ng, who has been selling pomelo for the past 30 years, said she was able to sell between 30 and 40 fruits a day before the pandemic.

"Now, it is hard to even sell 10 a week, and there are days when I can't even sell one." When interstate and inter-district travels were allowed last year, I managed to sell some fruits to regular customers. "But our businesses here rely heavily on tourists and outstation visitors," she said. Ng used to have around 100 pomelos in stock each week.

"Now, I only have 30 to 50 fruits. The small ones are sold at between RM5 and RM7, mid-sized ones at RM10 and big ones are between RM15 and RM18," she said. Many traders were in a dilemma over reopening their shops, she added. "With the pandemic not showing signs of abating soon, many are scared to reopen for business as they have yet to be vaccinated.

"Some feel it will be futile as there will be no business. A few of us persist with the hope of getting some sales," said Ng, who resumed business about two months ago. In the city centre, shopkeeper Lee Foo Ying, 46, said he has seen a 90% drop in business. "Before this, I never needed to stand outside my shop to woo customers. Lee is not expecting pomelo sales to increase much in the run-up to Mid-Autumn Festival next month.



Many of the shops near the Sam Poh Tong Temple in Ipoh, which were always busy with tourists prior to the pandemic, remain closed these days.

Lee is not expecting pomelo sales to increase much in the run-up to Mid-Autumn Festival next month. "I could sell between 60 and 70 fruits a day before the pandemic, but there is hardly any business now. He also sells biscuits at his shop. "It is been more than a year and many businesses, especially the small ones, are suffering," he added.

Lee, who has been operating for eight years, said he had to let go seven workers

and now runs the shop with his wife. "We've been using our reserve funds for over a year. "We were unable to obtain the wage subsidy scheme," he lamented.

Lee is not expecting sales to look up in the run-up to the Mid-Autumn Festival, which falls on Sept 21. "Business was bad even during Chinese New Year this year and it will be the same for other festivals. People are just afraid to come out as the cases are still high. "We hope more people get vaccinated and the pandemic ends so that the state borders can reopen.

"This would give our businesses a chance to survive," he added. Orchard owner Tan Swee Kong said the pandemic has resulted in a lot of unsold pomelos. "There is usually an abundance of harvest but orders have dropped by about 60%. "So it will be meaningless to harvest the fruit as we cannot sell them.

"Most people do not have much money to spend now," he said, adding that a bulk of the fruits had been left to overripe. While orchards that were growing other types of fruit could still sustain themselves, he said the smaller orchards that only grew pomelo were struggling.

"Many farmers have been suffering since November last year and seem no longer able to cope since May," he said. According to Tan, there are about 300 orchards in Tambun and an estimated 12,000 tonnes of pomelos to be harvested annually. "Pomelos are grown according to season, to cater to Chinese festivals. "The fruits are usually harvested before Chinese New Year between January and February, and for the Mid-Autumn Festival between August and September. "There would be about 6,000 tonnes of the fruit from each harvest," he explained.

Tan said 60% of fruits was for the local market while 40% was for the market beyond Perak, including Singapore and Hong Kong. "It is quite worrying for us as we are expecting a further drop in sales, especially during the Mid-Autumn Festival," he added. Pomelos, unlike other seasonal fruits like durian and mangosteen, are also considered an optional purchase.

"Not many people set out to buy and eat it," he said. However, pomelos can be kept for up to one month. Tan said the Tambun pomelo was a unique fruit. "You can grow pomelos anywhere but only those grown in Tambun are of excellent quality. "I hope that the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) can help us come up with a long-term plan for the industry."

"All farmers should come together and set up a timetable to manage production so that we have consistent supply, not just for festivals. "I also hope Fama can find the budget to help us widen the market and export pomelos to more countries in the future," he added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11.08.2021	HARIAN METRO	ONLINE	-

PEMANDU PELANCONG TANAM CILI SARA HIDUP



Jerantut: Seorang pemandu pelancong alam sekitar di Taman Negara, Kuala Tahan, mengambil inisiatif mengusahakan tanaman cili kulai berdekatan rumahnya di Kampung Kuala Tahan dekat sini, selepas sektor pelancongan terjejas akibat pandemik Covid-19.

Mohd Kamil Hakim Rozali, 31, berkata, ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dilaksanakan pada 18 Mac 2020, dia sangat

kecewa dan 'termenung' seketika memikirkan nasibnya tanpa pekerjaan dan pendapatan. "Taman Negara ditutup sementara, jadi saya dan 300 pengusaha dan penggiat sektor ini kehilangan pendapatan menyebabkan saya dirundung duka.

"Namun, semangat saya kembali pulih apabila dinasihati oleh keluarga supaya mengusahakan tanaman pertanian komersial di kawasan tanah seluas 0.4 hektar berdekatan rumah," katanya. Katanya, dia memulakan tanaman cili kulai fertigasi sejak awal tahun ini menggunakan modal daripada duit simpanan sendiri dan bantuan keluarga untuk membeli polibeg, peralatan pertanian dan pengurusan lain.

Katanya, dia memilih bidang pertanian atas nasihat dan dorongan daripada Pengurus Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tembeling Tengah. "Saya yakin bidang pertanian antara sektor tidak akan terjejas semasa pandemik Covid-19 dan dapat menjamin masa depan." Saya menanam sebanyak 1,800 benih cili dan memperoleh hasil dalam tempoh lebih dua bulan. Saya memperoleh 100 kilogram cili yang dipasarkan di Kuala Tahan dan bandar Jerantut.

"Pada pusingan seterusnya, cili diambil oleh pemborong yang datang secara berjadual di pusat pengumpulan hasil di Felda Sungai Retang untuk dihantar ke pasar Selayang, Selangor dan Pasar Tani Kuala Lumpur," katanya.

Menurutnya, sehingga ini sudah enam pusingan tanaman ini dipetik dan sudah menikmati pulangan modal dan sedikit lebihan untuk simpanan dan perbelanjaan keluarga. "Saya tidak akan menoleh ke belakang kerana tidak pasti bila sektor pelancongan di Taman Negara Kuala Tahan kembali bernafas semula memandangkan penularan wabak ini belum nampak berpenghujung," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11.08.2021	MSN NEWS	ONLINE	-

PEMANDU PELANCONG TANAM CILI SARA HIDUP



Jerantut: Seorang pemandu pelancong alam sekitar di Taman Negara, Kuala Tahan, mengambil inisiatif mengusahakan tanaman cili kulai berdekatan rumahnya di Kampung Kuala Tahan dekat sini, selepas sektor pelancongan terjejas akibat pandemik Covid-19.

Mohd Kamil Hakim Rozali, 31, berkata, ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dilaksanakan pada 18 Mac 2020, dia sangat

kecewa dan 'termenung' seketika memikirkan nasibnya tanpa pekerjaan dan pendapatan. "Taman Negara ditutup sementara, jadi saya dan 300 pengusaha dan penggiat sektor ini kehilangan pendapatan menyebabkan saya dirundung duka.

"Namun, semangat saya kembali pulih apabila dinasihati oleh keluarga supaya mengusahakan tanaman pertanian komersial di kawasan tanah seluas 0.4 hektar berdekatan rumah," katanya. Katanya, dia memulakan tanaman cili kulai fertigasi sejak awal tahun ini menggunakan modal daripada duit simpanan sendiri dan bantuan keluarga untuk membeli polibeg, peralatan pertanian dan pengurusan lain.

Katanya, dia memilih bidang pertanian atas nasihat dan dorongan daripada Pengurus Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tembeling Tengah. "Saya yakin bidang pertanian antara sektor tidak akan terjejas semasa pandemik Covid-19 dan dapat menjamin masa depan." Saya menanam sebanyak 1,800 benih cili dan memperoleh hasil dalam tempoh lebih dua bulan. Saya memperoleh 100 kilogram cili yang dipasarkan di Kuala Tahan dan bandar Jerantut.

"Pada pusingan seterusnya, cili diambil oleh pemborong yang datang secara berjadual di pusat pengumpulan hasil di Felda Sungai Retang untuk dihantar ke pasar Selayang, Selangor dan Pasar Tani Kuala Lumpur," katanya.

Menurutnya, sehingga ini sudah enam pusingan tanaman ini dipetik dan sudah menikmati pulangan modal dan sedikit lebihan untuk simpanan dan perbelanjaan keluarga. "Saya tidak akan menoleh ke belakang kerana tidak pasti bila sektor pelancongan di Taman Negara Kuala Tahan kembali bernafas semula memandangkan penularan wabak ini belum nampak berpenghujung," katanya.